



MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA *Bandaraya Pintar*

TAHUKAH ANDA?

Cukai Taksiran

Yang Dibayar?

BOLEH DIPULANGKAN?

www.mphtj.gov.my



MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

C. BAGAIMANA MEMOHON PULANGAN BALIK KREDIT CUKAI TAKSIRAN

Dua kaedah permohonan boleh dibuat untuk memohon Pulangan Balik Cukai Taksiran.

Kaedah Pertama - permohonan melalui surat dan Borang Tuntutan Pulang Balik Kredit Cukai kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta melaporkan bahawa bangunan adalah kosong untuk disewakan. Alamat Jabatan adalah seperti berikut:-

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya,
Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya,
Melaka.

Kaedah Kedua - Borang permohonan boleh dikemukakan melalui laman web : <http://www.mphtj.gov.my>

C. KENAPA ANDA GAGAL MENDAPATKAN PULANG BALIK CUKAI (REMISI)

- Tidak memohon untuk mendapatkan Pulang Balik Cukai (Remisi).
- Cukai Taksiran masih tertunggak untuk tempoh penggal tahunan.
- Bangunan diduduki sebahagian atau digunakan sebagai stor.
- Gagal mengembalikan borang permohonan tuntutan Pulang Balik Cukai dalam tempoh yang ditetapkan.
- Tiada bukti yang menunjukkan usaha yang bersungguh-sungguh dibuat untuk mendapatkan penyewa.

Contohnya : Pemohon hanya memaparkan papan iklan "UNTUK DISEWA" tanpa menyiar nombor telefon pemilik atau gagal memberikan salinan resit pembayaran untuk iklan atau surat perlantikan agen hartanah.

A. APA ITU PULANG BALIK KREDIT CUKAI TAKSIRAN?

Pulang Balik Kredit Cukai Taksiran adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 162, Akta Kerajaan Tempatan 1976 di mana pemilik bangunan boleh memohon untuk mendapatkan semula Cukai Taksiran yang telah dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya bangunan yang dimiliki itu kosong dan untuk disewa. Namun permohonan hanya boleh dipertimbangkan sekiranya semua syarat-syarat telah dipatuhi oleh pemohon.

B. APAKAH SYARAT YANG PERLU DIPATUHI?

- Mengisi surat dan borang permohonan atau muat turun borang pulang balik (Remisi) melalui laman web untuk memberitahu Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta mengenai kekosongan bangunan dan iklan disewa.
- Cukai taksiran di dalam penggal yang hendak dituntut mestilah dijelaskan tanpa sebarang tunggakkan cukai.
Tuntutan Pulang Balik Cukai Taksiran boleh dibuat sebelum berakhir tempoh penggal pertama (1 Jan - 30 Jun) atau penggal kedua (1 Julai - 31 Disember).
- Tempoh kekosongan bangunan hendaklah tidak kurang daripada 1 bulan kalendar dalam mana-mana penggal proses Pulang Balik Kredit Cukai Taksiran.
- Bangunan hendaklah berkeadaan baik dan layak untuk didiami.
- Membuktikan usaha yang bersungguh-sungguh bagi mendapatkan penyewa untuk bangunan berkenaan di dalam tempoh penggal yang dituntut sama ada melalui pengiklanan di dalam akhbar mempamerkan papan kenyataan "UNTUK DISEWA" dengan jelas serta menyertakan nombor telefon atau agen yang dilantik sebagai wakil.